

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI  
BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan setakat mana kewujudan *Psychological Care Centre* (PCC) dalam memudahkan masyarakat setempat mendapatkan khidmat kaunseling secara percuma.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

*Psychological Care Centre (PCC)* merupakan sebuah pusat psikologikal setempat yang menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada masyarakat dan komuniti. Tujuan utama perkhidmatan ini adalah untuk memperluaskan lagi perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada komuniti setempat bagi melahirkan masyarakat yang sejahtera dari aspek psikologikal.

Penubuhan PCC adalah tertumpu di kawasan kepadatan kependudukan yang tinggi, kawasan perumahan kos rendah dan kawasan tumpuan orang ramai bagi mendekatkan kemudahan ini kepada masyarakat dan komuniti melalui perkhidmatan yang percuma.

PCC menyediakan Kaunselor / Pegawai Psikologi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menyampaikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada komuniti seperti berikut:

- i) Intervensi kaunseling;
- ii) Ujian psikologi;
- iii) Kelompok sokongan;
- iv) Program dan aktiviti psikopendidikan; dan
- v) Program dan aktiviti psikoterapi.

Bagi tahun 2018, seramai 963 orang telah mendapatkan perkhidmatan di PCC. Bagi tahun 2020, sebanyak empat buah PCC dicadangkan untuk ditubuhkan di Negeri Sarawak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Melaka.